SAMPEL PERCUMA

Prapentaksiran STPM 2022 Perakaunan Sem 1

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Perakaunan

Sampel ini: 6 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

948/1 & 948/U1 **STPM 2022**

PERAKAUNAN

KERTAS 1

Dua jam

PRAPENTAKSIRAN PRESTASI SEKOLAH

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIAN HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

*Jawab mana-mana **empat** soalan.*

Semua kerja penghitungan hendaklah ditunjukkan dengan jelas.

Pencukaian hendaklah diabaikan dalam semua soalan, kecuali yang sebaliknya dinyatakan.

***Jadual nilai kini** dilampirkan dan boleh digunakan jika perlu.*

Kertas soalan ini terdiri daripada 6 halaman bercetak.

SOALAN 1

(a) Berikan dua sebab mengapa catatan pelarasan perlu dibuat pada akaun perniagaan. [2M]

(b) Nyatakan prinsip perakaunan yang dipatuhi atau tidak dipatuhi dalam situasi di bawah :

(i) Perniagaan Sarimah membeli sebuah alat pejabat pada harga kos RM5,000 dengan anggaran jangka hayat alat pejabat selama 5 tahun. Oleh kerana keadaaan ekonomi tidak menentu dan perniagaan berisiko tinggi, adalah dicadangkan aset tersebut tidak disusutnilaikan kos belian dianggap sebagai belanja hasil.

(ii) En Asraf adalah seorang pengusaha perabot. Beliau telah menerima bayaran bagi tempahan untuk membuat 100 set perabot daripada seorang pelanggan berjumlah RM3,000. Beliau telah menerima tunai tempahan tersebut dan mengiktiraf hasilnya pada tarikh tempahan tersebut dibuat oleh pelanggan.

(iii) Puan Azfezan memiliki sebuah perniagaan jual beli kereta. Beliau telah membeli sebuah kereta untuk kegunaan anaknya dan telah merekodkan pembelian ini ke dalam buku perniagaan sebagai ambilan .

(iv) Perniagaan Azlan membeli sebuah kenderaan dengan harga RM45,000 pada akhir tahun 2021. Harga pasaran kereta tersebut telah jatuh kepada RM30,000 pada awal tahun 2022. Perniagaan masih melaporkan kos kereta ini sebagai RM45, 000 mengikut harga dalam invois belian.

(v) Syarikat Azizul telah membuat perubahan dalam kaedah penilaian inventori dan mendedahkan perkara ini dalam nota kepada akaun di penyata kewangan.

(vi) Dua buah peralatan dibeli pada harga RM100 dan RM150. Kedua-duanya telah direkodkan sebagai pembelian loji dan peralatan.

(vii) Pada 31 Disember 2021, inventori yang telah dibeli oleh perniagaan pada kos RM2.50 seunit telah merosot nilai pasarannya kepada RM2.00 seunit. Pengurus syarikat telah mencadangkan bahawa inventori ini dinilaikan pada kos dan bukan pada nilai pasaran semasa kerana kerugian ini belum realis. [7M]

(c) Berikut ialah maklumat sebahagian Imbangan Duga Perniagaan Alimin pada 31 Disember 2021 :

Gaji	RM6,050
Belanja sewa	RM8,400
Utiliti	RM1,339

Matlumat tambahan:

(i) Gaji bulanan ialah RM550

(ii) Sewa tahunan ialah RM7,200

(iii) Utiliti sebanyak RM125 masih belum dibayar

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Akaun Gaji, Akaun belanja sewa dan Akaun utiliti.

(b) Catatan dalam penyata pendapatan komprehensif bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

(c) Catatan dalam Penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2021. [11M]

SOALAN 2

(a) Pada 31 Okt 2021, imbangan duga Perniagaan Ajis yang membekalkan makanan sejuk beku kepada pelanggan menunjukkan jumlah baki debit sebanyak RM9,070 dan baki kredit RM9,286. Setelah semakan dibuat, perkara berikut ditemui ;

(i) Peralatan berkos RM2,800 dibeli dari Kedai Aziah telah direkodkan sebagai belian barang niaga.

(ii) Bayaran cek berjumlah RM316 telah dicatat dengan betul di buku tunai tetapi dikreditkan ke dalam akaun Pembekal Ahmad Zaki.

(iii) Caj bank RM64, telah dicatat di buku tunai, tetapi tidak dipindahkan ke lejar.

(iv) Diskaun diterima berjumah RM240 telah dicatat di sebelah debit akaun diskaun diberi.

Dikehendaki:

a. Catatan jurnal pelarasan yang diperlukan untuk setiap urus niaga di atas.
b. Akaun tergantung. [8M]

(b) Cik Aslida, pemilik syarikat Maju Jaya Enterprise, mendapati bahawa draf akaun untung rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 menunjukkan untung bersih sebanyak RM15,640. Beliau memaklumkan bahawa beliau sendiri yang mengimbang dan menutup akaun syarikat itu telah meletakkan jawatan pada penghujung tempoh perakaunan syarikat. Cik Aslida mendapati bahawa beberapa kesilapan perekodan telah berlaku.

Pemeriksaan buku syarikat menunjukkan yang berikut;

1) Bayaran sewa kedai sebanyak RM4,800 masih belum direkodkan dalam akaun.
2) Bayaran sebanyak RM1,800 atas belian perabot pejabat yang baharu telah tersalah didebitkan ke dalam akaun belanja pelbagai. Perabot itu telah dibeli pada 27 Disember 2021.
3) Komisen jualan kepada pegawai pemasaran bagi bulan Disember 2021 sebanyak RM1,200 tidak direkodkan kerana borang tuntutan hilang dan hanya dijumpai semula pada awal Januari 2022.
4) Belanja penyenggaraan kereta peribadi Cik Aslida sebanyak RM1,640 telah didebitkan ke dalam akaun belanja kenderaan.
5) Bayaran sebanyak RM3,200 pada 1 Januari 2021 untuk membesarkan bangunan telah direkodkan dalam akaun pembaikan dan penyelenggaraan.
6) Insurans kebakaran bangunan sebanyak RM1,440 yang diambil pada 1 Oktober 2021 bagi tempoh setahun telah dibayar pada tarikh tersebut dan didebitkan ke dalam akaun insurans prabayar.
7) Jualan kredit sebanyak RM2,500 telah dicatatkan sebagai belian kredit dengan mendebitkan akaun belian dan mengkreditkan akaun pemiutang.
8) Seorang pelanggan Cik Aslida yang berhutang sebanyak RM1,300 telah meninggal dunia. Hutang itu masih tercatat dalam akaun. Cik Aslida memutuskan untuk melupuskan hutang itu tetapi masih belum berbuat demikian. Peruntukan hutang ragu bagi tahun berkenaan sebanyak RM1,600 juga belum direkodkan.

9) Susat nilai aset tetap untuk tahun berkenaan belum lagi diambil kira. Draf kunci kira-kira syarikat ditunjukkan seperti berikut:

	RM	RM
Bangunan (kos tidak termasuk kos ubah suai)	96,000	
Susut nilai terkumpul	19,200	76,800
Perabot dan kelengkapan pejabat	12,600	
Susut nilai terkumpul	7,800	4,800

Maju Jaya Enterprise menetapkan susut nilai bangunan dan perabot masing-masing pada kadar 2% dan 10%.

Dikendaki:
Sediakan catatan jurnal pelarasan yang diperlukan untuk setiap urus niaga itu. [12M]

SOALAN 3

(a) Berikan 3 perbezaan antara sistem inventori berkala dengan sistem inventori berterusan. [3M]

(b) Perniagaan Hazlisham menyimpan buku tunai runcit mengikut sistem panjar, urus niaga berkaitan panjar wang runcit bagi bulan Mei 2021 adalah seperti berikut:
(1) Pada 1 Mei 2021, syarikat menetapkan RM200 sebagai dana tunai runcit
(2) Pada 15 Mei 2021, syarikat menambah semula panjar wang runcit yang sedia ada dengan mengeluarkan cek. Pada tarikh ini, baki tunai di tangan RM5.70. Resit perbelanjaan yang telah diterima ialah bayaran angkutan RM94, perbelanjaan pengeposan RM42.40, perbelanjaan utiliti RM45.90 dan perbelanjaan pelbagai RM10.70.
(3) Pada 31 Mei 2021 setelah mempertimbangkan jumlah dana tunai runcit dinaikkan kepada RM300.
Dikehendaki sediakan buku tunai runcit bagi Mei 2021. [12M]

(c) Baki bank buku tunai Saifullah Berhad pada 30 Jun 2021 ialah debit RM9,647. Baki ini berbeza daripada baki penyata bank yang berjumlah RM9,327. Setelah meneliti perbezaan antara Buku Tunai dan penyata bank, perkara yang berikut ditemui:
(1) Cek bernilai RM3,000 telah direkodkan dalam buku tunai tetapi masih belum lagi ditunaikan di bank. −
(2) Cek daripada pelanggan bernilai RM4,970 direkodkan dalam buku tunai pada 30 Jun 2021 tetapi pihak bank hanya mengkreditkan amaun tersebut pada 1 Julai 2021.+
(3) Caj bank sebanyak RM320 wujud dalam penyata bank pada 29 Jun 2021 tetapi tidak direkodkan dalam buku tunai. +
(4) Cek yang dikeluarkan sebanyak RM2,900 untuk membayar pembelian aset tetap telah tersalah rekod dalam buku tunai sebagai RM12,510. kesilapan 9610
(5) Cek yang diterima daripada pelanggan bernilai RM590 tidak dilayan oleh bank. −
(6) Cek yang dikeluarkan untuk pembayaran belanja membaiki kenderaan sebanyak RM3,600 telah didebitkan dalam buku tunai. −
(7) Jumlah bahagian pembayaran dalam buku tunai adalah terkurang sebanyak RM1,500. Didapati jumlah debit pada akaun belian juga terkurang dengan jumlah yang sama.
(8) Cek berjumlah RM1,650 bertujuan membaikpulih rumah pemilik, perbelanjaan ini telah direkodkan dalam buku tunai tetapi tidak terdapat dalam penyata bank.
Dikehendaki sediakan :
Penyata penyesuaian bank pada 30 Jun 2021. [5M]

3m0

Soalan 4

(a) Syarikat Safian Berhad menjual barangan secara kredit. Pada akhir tempoh perakaunan, syarikat akan menghitung peruntukan hutang ragu dengan membuat analisis usia hutang. Yang berikut ialah maklumat yang berkaitan :

Pelanggan	Hutang (RM)	Usia (hari)
	300	15
Nabilah	400	35
Najihah	1,000	90
Hazim	5,000	105
Adam	700	45

Untuk menghitung peruntukan hutang ragu, syarikat telah menetapkan peratusan yang berbeza mengikut usia hutang seperti yang berikut:

Usia (hari)	Peratusan
<30	0
30-60	5
61-90	10
>90	20

Baki akaun peruntukan hutang ragu pada 1 Mei 2021 ialah RM700.

Dikehendaki :

(i) Hitungkan jumlah peruntukan hutang ragu dengan menyediakan jadual usia hutang bagi tahun berakhir 30 April 2021.

(ii) Sediakan catatan jurnal untuk merekodkan hutang ragu tersebut. [12M]

(b) Inventori awal Syarikat Zaharah berhad ialah 200 unit berkos RM50 seunit. Syarikat menggunakan sistem inventori berkala. Belian sepanjang tahun seperti yang berikut :

15 Febuari	400 unit pada harga RM52
20 Jun	200 unit pada harga RM53
4 Oktober	600 unit pada harga RM 56
2 disember	200 unit pada harga RM57

Jualan sepanjang tahun ialah 1,200 unit.

Dikehendaki:

(i) Hitung kos barang sedia untuk dijual.

(ii) Hitung inventori akhir dan kos barang dijual mengunakan kaedah MDKD, MKKD dan purata wajaran. [8M]

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Perakaunan

Sampel ini: 6 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar